

21 AUG 2002

Ling-Monorel

KL MONORAIL BELUM TEMUI PUNCA KEMALANGAN

PUTRAJAYA, 21 Ogos (Bernama) -- KL Monorail System Sdn Bhd, pengendali sistem monorel di ibu negara, belum menemui punca bagaimana sebuah roda gerabak menimpa dan mencederakan seorang wartawan Bernama pada Jumaat lepas.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata laporan hasil siasatan awal syarikat itu menyebut bahawa pihak pengurusan masih tidak faham bagaimana enam skru yang mengikat roda keselamatan itu boleh tercabut.

David Chelliah, 40, dari Perkhidmatan Berita Ekonomi Bernama, cedera di kepala ditimpa roda seberat hampir 14 kg itu dari monorel yang sedang diuji di Jalan Sultan Ismail.

Beliau terpaksa menjalani pembedahan di kepala dan kini menjalani rawatan di Hospital Kuala Lumpur.

Dr Ling juga berkata kerajaan belum membuat keputusan berhubung kelulusan lesen membawa penumpang kepada KL Monorail.

Ketika diminta mengulas isu penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran sains dan matematik di sekolah aliran Cina, Dr Ling yang juga Presiden MCA berkata satu pertemuan telah diadakan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi melibatkan beliau, Presiden Parti Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Tan Sri Dr George Chan dan Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee.

"Perbincangan itu berhasil. Noktah," katanya ketika diajukan soalan mengenai perkara itu oleh pemberita.

Mengenai masalah persaingan antara Air Asia dan Penerbangan Malaysia, Dr Ling berkata kedua-dua syarikat itu telah diarahkan supaya menghentikan sebarang promosi baru.

Bagaimanapun, mereka boleh terus menjalankan aktiviti promosi sedia ada sehingga satu keputusan baru dicapai, katanya.

-- BERNAMA

YBK MAM MAI